

Perubahan pimpinan bukan

Oleh **HAMDEN RAMLI**
UM 19 JAN 2003

KUALA LUMPUR 18 Jan. — Perubahan kepimpinan yang dilakukan oleh UMNO bukan bertujuan untuk menunjukkan kelemahan seseorang, tetapi ia lebih kepada mengukuhkan kedudukan parti.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib berkata, perubahan dilakukan

mengikut keadaan dan ada kalanya pemimpin baik pun terpaksa diketepikan.

“Apa yang penting ialah untuk semua ahli UMNO memberi 100 peratus kesetiaan kepada parti dengan menerima perubahan itu yang sebenarnya bertujuan menguatkan parti,” katanya kepada *Mingguan Malaysia* ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr.

Mahathir mengenai keputusan parti itu melakukan perubahan kepimpinan terhadap barisan pemimpin Badan Perhubungan UMNO Kelantan.

Menurut Dr. Mahathir, tidak ada sesiapa pun yang akan kekal dalam parti itu.

UMNO tegasnya, bersedia membuat perubahan kepimpinan sekiranya perlu bagi menghadapi pilihan raya umum.

Muhammad berkata, dalam politik, tidak

tunjuk kelemahan

ada sesiapa pun yang akan kekal selamanya, tetapi yang akan kekal hanyalah parti.

Oleh itu tegas beliau, kesetiaan harus dibagikan kepada parti.

“Kepentingan diri harus dielak, tetapi kepentingan parti harus diutamakan,” katanya.

Beliau berkata, hanya parti yang kuat mampu membawa kejayaan kepada agama, bangsa dan negara.

Sementara itu, Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob berkata, tidak ada yang luar biasa dengan perubahan kepimpinan yang dilakukan oleh UMNO hari ini.

Katanya, perubahan kepimpinan telah berlaku sejak zaman Tunku Abdul Rahman lagi.

Beliau menambah, perubahan ini juga tidak menggambarkan pilihan raya akan diadakan dalam waktu terdekat.

“Kita cuma bersedia,” katanya.